

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA
[SEGAMAT - PKR]**

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk membantu menaikkan prestasi sukan catur di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) memberi tumpuan kepada 16 jenis sukan teras dalam pelaksanaan pembangunan sukan berprestasi tinggi negara. Persediaan kontinjen negara khusus ke arah penyertaan di temasya-temasya sukan utama seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.
2. Sukan catur tidak tersenarai di bawah kategori 16 jenis sukan teras. Sukan ini juga tidak dipertandingkan secara konsisten di temasya-temasya sukan utama antara tahun 2012 hingga 2018 yang lalu.
3. Berdasarkan sejarah penglibatan sukan di temasya utama, sukan catur hanya dipertandingkan di Sukan Asia, Guangzhou 2010 dan Sukan SEA, Palembang 2011 sahaja. Di Guangzhou 2010, kontinjen negara menerusi tiga (3) atlet telah menyertai dua (2)

SOALAN NO : 17

acara iaitu “*Men’s*” dan “*Women’s Individual Rapid*” (meraih kedudukan ke-22, 29 dan 38). Manakala, penyertaan di Palembang 2011 pula, pasukan catur hanya meraih satu (1) pingat gangsa menerusi acara “*Mixed Double Standard Class*”.

4. Bagi temasya Sukan SEA Filipina yang akan diadakan pada tahun ini, pihak penganjur telah menyenaraikan lima (5) acara bagi sukan catur ini. Oleh itu, pihak Kementerian akan menilai prestasi atlet-atlet menerusi penyertaannya di temasya tersebut dan akan menimbangkan bantuan yang sewajarnya kepada Persekutuan Catur Malaysia.
5. Kementerian melalui MSN amat menggalakkan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) membangunkan sukan dari peringkat akar umbi hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Kerajaan juga akan mempertimbangkan bentuk bantuan kewangan bagi PSK yang tidak disenaraikan di bawah 16 jenis sukan teras termasuk sukan catur ini. PSK juga seringkali disyorkan untuk menerokai peluang tajaan syarikat korporat bagi mengelakkan kebergantungan sepenuhnya daripada pihak kerajaan.

Sekian, terima kasih.